

29/07/1998

Usul pinda peraturan mesyuarat Dewan Rakyat dibentang

KERAJAAN hari ini membentangkan usul bagi meminda Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi membolehkan persidangannya dimulakan pada 10 pagi.

Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar yang membentangkan usul itu bagi pihak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata menurut Peraturan Mesyuarat 78 (2), usul itu diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat yang akan menetapkan sama ada ia akan dibahas.

Apabila Syed Hamid berkata, usul itu perlu disegerakan, ketua pembangkang, Lim Kit Siang bangun dan mempertikaikan kenapa usul itu begitu penting sehingga ia perlu disegerakan.

Usul berkenaan disokong oleh Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Pindaan membabitkan Peraturan Mesyuarat 12 (Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat) itu mencadangkan supaya persidangan majlis hendaklah dimulakan pada jam 10 pagi hingga 1 petang dan disambung semula dari jam 2.30 petang hingga 5.30 petang.

Manakala Peraturan Mesyuarat 12 (b) turut mencadangkan Yang Dipertua Dewan Rakyat boleh melanjutkan masa mesyuarat selepas jam 5.30 petang, tetapi tidak melebihi 15 minit untuk menamatkan perkara yang patut diselesaikan pada hari berkenaan.

(END)